

## **PERLAKSANAAN OPERASI ‘COLDSTORE’ DAN IMPLIKASI TERHADAP PRESTASI *PEOPLES ACTION PARTY*PADA PILIHAN RAYA UMUM SINGAPURA, 1963**

*(THE IMPLEMENTATION OF OPERATION ‘COLDSTORE’ AND ITS  
IMPLICATIONS FOR THE PEOPLES ACTION PARTY PERFORMANCE IN  
THE SINGAPORE GENERAL ELECTION, 1963)*

**Muhammad Naim Fakhirin Rezani**

---

### **Abstrak**

Makalah ini membincangkan perkembangan politik Singapura pada awal 1960-an dengan memberi tumpuan terhadap tindakan kerajaan melaksanakan Operasi ‘Coldstore’. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, rancangan kerajaan untuk melaksanakan Operasi ‘Coldstore’ ini bermula setelah PAP mengalami perpecahan dalaman sehingga tertubuhnya parti Barisan Sosialis. Selain itu, kebangkitan semula pengaruh komunis di Singapura turut mendorong kerajaan bertindak secara drastik dengan melaksanakan operasi tersebut. Kajian ini ditulis dengan menggunakan sumber primer daripada *National Archive, Kew* dan *National Archive, Singapore* sebagai sumber utama penulisan. Selain itu, penulisan turut menggunakan akhbar seperti *The Straits Times* yang diterbitkan dalam tempoh tersebut bagi mendapatkan kesinambungan dengan dokumen sumber primer tersebut. Dapatkan hasil kajian ini merumuskan Operasi ‘Coldstore’ yang dilaksanakan ini telah mempengaruhi prestasi PAP pada Pilihan Raya Umum 1963. Selain itu, dapatan kajian turut membincangkan faktor perlaksanaan Operasi ‘Coldstore’ ini dilakukan bukan sahaja untuk kestabilan politik negara, tetapi turut melibatkan kestabilan politik PAP setelah parti itu mengalami perpecahan dalaman yang ketara sehingga menjelaskan sokongan masyarakat pada peringkat awal.

---

**Kata Kunci:** Strategi; komunis; Singapura; demokrasi; politik

---

### **Abstract**

*This study discusses the political developments in Singapore in the early 1960s by focusing on the government's actions to implement Operation 'Coldstore'. Based on the study, the government's plan to implement Operation 'Coldstore' began after the PAP experienced internal divisions until the formation of the Barisan Sosialis party. In addition, the resurgence of communist influence in Singapore also prompted the government to act drastically by implementing the operation. This study was written using primary sources from the National Archive, Kew and the National Archive Singapore as the main sources of writing. In addition, the writing also used newspapers such as The Straits Times published during that period to obtain continuity with the primary source documents. The findings of this study conclude that Operation 'Coldstore' that was implemented had influenced the performance of the PAP in the 1963 General Election. In addition, the study findings also discussed that the factors behind the implementation of Operation 'Coldstore' were not only for the political stability of the country, but also involved the political stability of the PAP*

*after the party experienced significant internal divisions that affected public support at the initial stage.*

---

**Keywords:** Strategy; communist, Singapore, democracy, politics

## PENGENALAN

Perang Korea yang meletus pada awal 1950-an merupakan titik kemuncak terhadap persaingan ideologi antara komunisme dan kapitalis. Peperangan yang berlaku ini melibatkan Korea Utara (*Democratic People's Republic of Korea*) yang disokong oleh China dan Soviet Union, manakala Korea Selatan (*Republic of Korea*) disokong oleh Amerika Syarikat dan British. Oleh itu perang yang tercetus ini dikatakan sebagai perang proksi ekoran daripada persaingan idealogi antara komunisme oleh Soviet Union dan kapitalis oleh Amerika Syarikat (Ngoei 2023). Peperangan yang berlaku ini secara tidak langsung memberi kesan dan mempengaruhi politik di negara-negara Asia Tenggara, terutamanya Tanah Melayu dan Singapura (Tarling 2005). Dalam tempoh ini juga, perkembangan politik di Tanah Melayu dan Singapura memasuki fasa baharu kerana masing-masing berada dalam proses untuk kemerdekaan dan pembentukan berkerajaan sendiri (Tarling 2005). British melihat kebangkitan semula pengaruh komunis ini pada pertengahan 1950-an ini akan memberi kesan terhadap negara baharu dibentuk dan membuka ruang terhadap komunis untuk berkuasa sama ada di Tanah Melayu atau Singapura sekiranya tiada langkah sistematik yang diaturkan bagi menyekat komunis (DO 35/6266).

Perkembangan politik Singapura dalam tempoh ini pula berada dalam keadaan tegang ekoran daripada kelemahan kerajaan PAP pimpinan Lee Kuan Yew dan perpecahan dalaman melibatkan PAP (FCO 141/17160). Keadaan bertambah buruk apabila Parti Tindakan Rakyat (PAP - *People's Action Party*) tewas pada dua pilihan raya kecil iaitu di Hong Lim dan Anson. Situasi yang berlaku ini secara tidak langsung membuka peluang komunis untuk menyebarluaskan pengaruh ke Singapura (FCO 141/17160). Oleh itu cubaan komunis berkuasa di Singapura dilakukan menerusi politik dalaman, bukan kekerasan seperti yang dilakukan pada hujung 1940-an. Pengaruh komunis di Singapura pada hujung 1950-an digerakkan secara halus melalui parti politik tertentu di negara ini, malah terlibat secara langsung dalam persaingan pilihan raya (FCO 141/17153). Situasi ini menyebabkan kerajaan PAP terpaksa mengusulkan tindakan yang tegas bagi menyekat komunis daripada mempengaruhi situasi politik di Singapura. Berdasarkan kepada kebangkitan komunis di negara ini, kerajaan PAP mengambil langkah secara drastik untuk mengawal pengaruh komunis di negara ini melalui perlaksanaan tindakan khas yang dikenali dengan Operasi '*Coldstore*'. Tindakan ini dilakukan secara menyeluruh di seluruh negara dengan melibatkan pelbagai agensi kerajaan (DO 169/176). Walaupun begitu, operasi ini turut dikenali dengan langkah politik PAP dan memberi kesan terhadap parti itu semasa Pilihan Raya Umum 1963 berlangsung di Singapura.

Sungguhpun banyak kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu tentang komunis di Singapura, namun perincian dalam konteks Operasi '*Coldstore*' yang dilaksanakan masih longgar. Kebanyakan kajian yang dibuat membincangkan perkara tersebut secara umum. misalnya kajian oleh Kumar Ramakrishna (2015) membincangkan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan bagi menghalang kebangkitan komunis di Singapura melalui perlaksanaan Operasi '*Coldstore*'. Walaupun begitu, kajian ini tidak memperincikan kesan perlaksanaan tindakan ini terhadap politik Singapura, terutamanya impak kepada PAP semasa Pilihan Raya Umum 1963. Begitu juga kajian oleh Geoff Wade (2013) membincangkan kebangkitan komunis di Singapura adalah rentetan kesan daripada Perang Korea. Namun begitu, kajian ini tidak memperincikan tindakan kerajaan terhadap Operasi '*Coldstore*' bagi menyekat pengaruh dan tindakan komunis di Singapura. Sehubungan itu, makalah ini akan memperlihatkan perbezaan berbanding kajian oleh sarjana terdahulu berdasarkan perbincangan yang dilakukan dengan memperincikan kesan perlaksanaan Operasi '*Coldstore*' ini terhadap politik dan pilihan raya di Singapura.

Bagi melengkapkan kajian ini, penggunaan sumber primer amat penting. sumber primer ini merupakan laporan rasmi yang belum diolah seperti laporan rasmi dan keputusan pilihan raya yang

diperoleh dari *Election Department*, Singapura (ELD). Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber dari *National Archive*, Kew seperti *Colonial Office* (CO), *Dominion Office* (FO) dan *Foreign Commonwealth Office* (FCO) bagi mendapatkan kesinambungan dari kajian yang dilakukan. Sumber primer ini dianalisis secara kualitatif bagi mendapatkan data yang jitu. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan politik di Singapura pada 1960-an. Melalui penggunaan sumber primer tersebut, data yang diperoleh adalah secara langsung daripada individu yang terlibat. Misalnya dokumen DO 169/176, *Internal Security Situation in Singapore: Communist Activity* mengandungi data yang melibatkan laporan British terhadap gerakan pemimpin politik tempatan seperti maklumat situasi dan minit mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri (*Internal Security Council*). Laporan ini seterusnya diolah secara deskriptif dan disesuaikan semula berdasarkan data yang diperoleh daripada laporan ELD. Bagi mendapatkan data yang jitu, kajian ini turut menggunakan akhbar Singapura yang diperoleh daripada *National Archive Singapore* seperti *The Straits Times* bagi mendapatkan gambaran sebenar situasi politik yang berlaku pada 1960-an.

Selain itu, sumber untuk kajian ini turut melibatkan rujukan daripada memoir pemimpin elit Singapura. Peristiwa perlaksanaan Operasi ‘Coldstore’ ini turut dimuatkan dalam memoir beberapa pemimpin elit Singapura. Catatan memoir ini penting sebagai rujukan terhadap sokongan penulisan kajian. Antara memoir tersebut adalah daripada Lee Kuan Yew (2012), S. Rajaratnam (2006) dan Lim Chin Siong (2015). Memoir ini memainkan peranan sebagai saksi dan catatan peristiwa yang berlaku secara langsung oleh saksi yang terlibat. Di samping itu, memoir ini menjadi kesinambungan terhadap sumber primer yang diperoleh. Sungguhpun begitu, kesahihan maklumat daripada memoir ini perlu ditapis kerana terdapat isu *bias* dan keadilan moral dalam pengkisahan peristiwa.

## **PERPECAHAN DALAMAN PAP, 1959-1963**

Keputusan Pilihan Raya Umum Singapura pada 1959 memperlihatkan PAP berjaya menang 43 daripada 51 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan besar PAP ini membolehkan parti itu membentuk kerajaan di Singapura tanpa memerlukan gabungan daripada parti lain (Reports of Election, 1959). Justeru itu, kemenangan besar ini membolehkan Lee Kuan Yew dilantik sebagai Perdana Menteri Singapura yang pertama. Walau bagaimanapun, kegembiraan PAP ini tidak bertahan lama ekoran perpecahan dalaman yang berlaku terhadap parti itu. Bibit-bibit awal perpecahan ini mula berlaku pada awal 1960-an (FCO 141/17153). Anggota dan ahli Dewan Perundangan (*Legislative Assembly*) PAP yang menang pada Pilihan Raya Umum 1959 mendesak Lee Kuan Yew melakukan perubahan terhadap pentadbiran eksekutif Singapura, selaras dengan tunutan rakyat dan manifesto parti (FCO 141/17160).

Antara ahli PAP yang mengusulkan perkara tersebut adalah Ahli Dewan Perundangan Kerusi Hong Lim yang juga Menteri Pembangunan Negara iaitu Ong Eng Guan. Keretakan dalaman ini mula berlaku setelah beliau tidak berpuas hati dengan pentadbiran Lee Kuan Yew yang memansuhkan kuasa Majlis Tempatan. Pada Jun 1960, beliau telah menghantar dokumen 16 Perkara Tuntutan kepada jawatankuasa pemilihan PAP. Antara 16 Perkara Tuntutan tersebut adalah gesaan kepada pentadbiran London mengenai Perlembagaan Singapura yang baharu, melepaskan tahanan politik yang dibuat melalui Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam (PPSO - *Preservation of Public Security Ordinance*) dan semakan semula terhadap Undang-Undang Judi di Singapura (*The Straits Times*, 21 Jun 1960).

Bagi memberi respon mengenai tuntutan ini, Lee Kuan Yew menyatakan 16 tuntutan ini merupakan tindakan mencabar kepimpinan PAP dan dibuat atas dasar kepentingan peribadi (Lee Kuan Yew 2012). Perkara ini disokong oleh Menteri Warisan, S. Rajaratnam. Beliau menyatakan tindakan Ong Eng Guan ini terburu-buru kerana PAP baharu sahaja membentuk kerajaan dan perlaksanaan mengenai pembebasan ahli politik yang ditangkap melalui PPSO mengambil masa yang lama (*The Straits Times* 20 Jun 1960). Sehubungan perkara itu, Lee Kuan Yew melakukan satu tindakan yang mengejutkan politik Singapura ketika itu, iaitu memecat Ong Eng Guan daripada parti dan kabinet serta-merta. Namun pemecatan Ong Eng Guan ini membawa kepada Pilihan Raya Kecil Hong Lim kerana Ong Eng Guan bertindak meletakkan jawatan dan mengosongkan kerusi tersebut (*The Straits Times* 20 Jun 1960).

Pada Pilihan Raya Kecil Hong Lim, Ong Eng Guan bertanding selaku calon BEBAS dan menang dengan majoriti yang besar iaitu 4,297 undi (*Reports 1961 by-election*). Kemenangan ini mengejutkan Lee Kuan Yew kerana beliau menyatakan Ong menang kerusi itu pada Pilihan Raya Umum 1959 disebabkan oleh PAP, bukan kredibiliti beliau sebagai seorang pemimpin (*The Straits Times* 12 Mac 1961). Sementara itu, berlaku satu lagi pilihan raya kecil untuk kerusi Anson, ekoran penyandang, Baharuddin Mohd Ariff meninggal dunia. Keputusan di Pilihan Raya Kecil Anson, memperlihatkan PAP sekali lagi tewas apabila bekas Ketua Menteri Singapura yang pertama, David Marshall berjaya merampas kerusi ini dari PAP dengan majoriti 546 undi (*Reports 1961 by-election*). Kekalahan PAP pada kedua-dua pilihan raya kecil ini membuktikan perpecahan dalaman telah menjaskan sokongan rakyat terhadap parti itu.

Pemecatan Ong Eng Guan daripada PAP ini membawa kepada kesan yang buruk terhadap parti itu sehingga tertubuhnya sebuah organisasi *underground* dalam parti yang digelar sebagai sayap kiri. Organisasi ini diketuai oleh Lim Chin Siong, seorang aktivis politik dan antara pengasas PAP (*The Straits Times* 23 November 1963). Beliau antara ahli PAP yang tidak berpuas hati dengan cara kepimpinan Lee Kuan Yew. Penentangan beliau terhadap PAP semakin terdesak apabila beliau mengkritik secara terbuka cadangan gabungan Singapura dalam Persekutuan Malaysia dan menyatakan tindakan itu sebagai bentuk penjajahan baharu tajaan British (DO 169/221). Ekoran daripada situasi ini, Lee Kuan Yew mengadakan satu usul undi percaya (*vote of confidence*) kepada beliau di Dewan Perundangan. Namun begitu, Lim Chin Siong dan ahli sayap kiri PAP tidak hadir dalam pengundian tersebut. Situasi ini menyebabkan kepada Lim Chin Siong dan ahli sayap PAP dipecat pada Julai 1961 (FCO 141/17160). Mengulas mengenai perkara ini, Lee Kuan Yew menyatakan tindakan yang dilakukan oleh Lim Chin Siong dan golongan sayap kiri PAP ini ibarat anai-anai yang merosakkan parti dari dalam (*The Straits Times* 27 Julai 1961).

Pemecatan Lim Chin Siong ini seterusnya membawa kepada penubuhan Barisan Sosialis pada 29 Julai 1961 dan parti ini memainkan peranan sebagai parti pembangkang terbesar terhadap politik Singapura pada 1963 (FCO 95/1346). Objektif utama penubuhan parti ini adalah untuk menoktahkan kolonialism atau penjajahan baharu. Lim Chin Siong menyatakan cadangan penubuhan Malaysia perlu ditentang oleh rakyat Singapura dan beliau menggesa rakyat menolak referendum yang diadakan oleh kerajaan PAP atas alasan perkara ini merupakan agenda Bitish untuk terus berkuasa di Singapura dan Malaya (FCO 95/1346). Bagi membala semula hujah Barisan Sosialis itu, Lee Kuan Yew menyatakan perjuangan Barisan Sosialis mirip dengan Parti Komunis Malaya kerana penubuhannya mendapat bantuan dan sokongan daripada Fong Ching Pik, Ketua Parti Komunis Malaya bagi cawangan Singapura (*The Straits Times* 19 April 1962). Justeru itu, Lee menyatakan isu yang diperjuangkan oleh Barisan Sosialis ini membahayakan keselamatan negara kerana tindakan yang dilakukan ini akan membuka ruang kepada komunis untuk mengukuhkan semula kududukan terhadap politik Singapura (*The Straits Times* 19 April 1962).

Secara asasnya, perpecahan dalaman PAP antara tahun 1959 hingga 1963 berpunca daripada perbezaan ideologi dan ketidakpuasan terhadap kepimpinan Lee Kuan Yew. Konflik ini membawa kepada pemecatan tokoh-tokoh penting seperti Ong Eng Guan dan Lim Chin Siong serta penubuhan Barisan Sosialis yang mencabar dominasi PAP. Krisis ini bukan sahaja melemahkan perpaduan parti, malah memberi kesan besar kepada landskap politik Singapura, terutama dalam isu penyertaan ke dalam Malaysia dan penentangan terhadap pengaruh komunis.

## **PERLAKSANAAN OPERASI ‘COLDSTORE’**

Pergolakan politik dalaman yang berlaku di Singapura ini memaksa kerajaan bertindak dengan lebih tegas. Dalam masa yang sama, parti pembangkang semakin berpengaruh di Singapura dan terdapat unsur komunis dalam parti pembangkang, terutamanya Barisan Sosialis (FCO 95/1346). Perkara ini menyebabkan kerajaan segera menyusun strategi bagi menyekat komunis daripada berleluasa di Singapura. Selain itu, tindakan Singapura dalam usaha memerangi komunis ini turut berkait rapat dengan rancangan kerajaan PAP untuk menyertai Persekutuan Malaysia. Cadangan kemasukan Singapura ke dalam Persekutuan Malaysia dibincangkan antara tiga pihak iaitu British, Singapura dan Tanah Melayu (Nurdiyawati Abidin et al. 2021). Tunku Abdul Rahman menyatakan kebimbangan

pengaruh komunis di Tanah Melayu berleluasa semula sekiranya Singapura menyertai Persekutuan Malaysia kerana jumlah masyarakat Cina yang ramai di negara tersebut (*The Straits Times* 1 September 1962). Oleh itu, syarat utama daripada Tunku Abdul Rahman sebelum Persekutuan Malaysia ini diumumkan secara rasmi adalah politik Singapura perlu bersih daripada sebarang ancaman komunis (*The Straits Times* 1 September 1962).

Dalam tempoh yang sama, Lee Kuan Yew terdesak untuk mengumpul semula pengaruh politik PAP yang semakin merosot akibat masalah dalaman yang melanda parti itu. Lee Kuan Yew menyatakan penyertaan Singapura dalam gabungan Persekutuan Malaysia ini adalah perkara utama bagi kelangsungan politik PAP (Lee Kuan Yew 2012). Rata-rata penduduk Singapura mengundi PAP pada Pilihan Raya Umum 1959 disebabkan oleh manifesto parti itu untuk membantuk gabungan dengan Tanah Melayu (Lee Kuan Yew 2012). Sehubungan itu, untuk memastikan masyarakat Singapura terus memberi sokongan kepada PAP pada pilihan raya berikutnya, Lee Kuan Yew perlu segerakan langkah menyertai Persekutuan Malaysia (DO 169/221). Selain faktor kelangsungan politik PAP, gabungan Persekutuan Malaysia ini adalah penting dan perlu dilaksanakan segera kerana melalui gabungan ini, Singapura dapat bebas sepenuhnya daripada British (Norasmahani et al. 2022). Perkara ini akan memberi kelebihan kepada pentadbiran beliau sama ada dari segi penggubalan perlembagaan dan dasar untuk negara.

Justeru itu, untuk berada dalam gabungan Persekutuan Malaysia, politik Singapura perlu bebas daripada sebarang unsur komunis. Perkara ini merupakan syarat penting yang ditetapkan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku dan British (DO 169/286). Setiausaha Negara untuk Tanah Jajahan, Duncan Sandys menyatakan pengaruh komunis di Singapura perlu dibersihkan terlebih dahulu kerana sekiranya kedua-dua negara ini dikuasai komunis, perkara ini akan menghancurkan keselamatan Asia Tenggara secara keseluruhan (DO 169/286). Begitu juga dengan Tunku Abdul Rahman, beliau menyatakan kebimbangan sekiranya politik dalaman Singapura ini tidak ditangani dengan teratur oleh PAP kerana hal ini akan membuka ruang terhadap komunis untuk menguasai pentadbiran Singapura atau Malaysia kelak (DO 169/286). Berdasarkan saranan tersebut, Lee Kuan Yew mula membuka langkah politiknya untuk membersihkan Singapura daripada kancan perpecahan politik dalaman dan pengaruh komunis. Oleh itu kerajaan PAP mula melaksanakan Operasi ‘Coldstore’ dengan kerjasama daripada British dan juga pentadbiran di Tanah Melayu (Reports Lim Chin Siong 1963).

Berdasarkan kepada faktor tersebut, kerajaan PAP mula merancang untuk memerangi komunis dengan skala yang besar dan melibatkan pelbagai agensi pertahanan di negara ini. Pada Disember 1962, sebuah mesyuarat khas diadakan dan melibatkan Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri serta Pejabat Perdana Menteri (DO 169/176). Dalam mesyuarat tersebut, Pengurus Majlis Keselamatan Negeri, John Le Cain menyatakan keadaan di Singapura terlalu genting iaitu kebangkitan semula komunis melalui politik negara ini membimbangkan keseluruhan pentadbiran akan dikuasai oleh komunis (NAB 1615/DO 187/15). Sejak tertutubuhnya Barisan Sosialis, parti pembangkang seakan-akan mendapat pengaruh baharu dan yakin untuk memerintah. Malahan, Barisan Sosialis turut mendapat panduan dan sokongan daripada komunis, menyebabkan kerajaan harus melakukan tindakan segera sebelum keadaan bertambah parah (FCO 95/1346). Sehubungan itu, hasil perbincangan mesyuarat tersebut membuat keputusan untuk menggunakan undang-undang keselamatan, *Preservation of Public Security Ordinance* (PPSO) secara meluas bagi menghalang komunis di Singapura (NAB 1615/DO 187/15).

Berdasarkan persetujuan penggunaan akta keselamatan tersebut, sebuah operasi khas dilancarkan dengan nama Operasi ‘Coldstore’. Tindakan operasi ini dilaksanakan secara rasmi pada 18 Januari 1963 setelah mendapat kelulusan dan perancangan yang rapi daripada Majlis Keselamatan Negeri (NAB 1615/DO 187/15). Perlaksanaan operasi ini melibatkan pelbagai agensi kerjaan iaitu kesemua unit tentera dan polis Singapura. Selain itu, kerajaan PAP turut mendapatkan bantuan kerjasama daripada polis Persekutuan Tanah Melayu dan Johor serta unit tentera *Johore Military Force (JMF)* bagi melancarkan proses ini (DO 169/176). Bagi mengoptimumkan sasaran untuk menyekat gerakan komunis di Singapura, Polis Cawangan Khas melakukan kerjasama sepenuhnya dengan Polis Cawangan Khas Johor. Kedua-dua unit ini menjadikan pejabat di Johor Bahru sebagai tempat untuk

menjalankan operasi. Menurut John Le Cain, mereka yang didakwa mempunyai kaitan, membawa pengaruh komunis akan ditangkap dibawah akta PPSO (DO 169/176).

Pada hari pertama operasi ini dilancarkan pada 2 Februari 1960, seramai 27 orang ditangkap di Singapura dan terdiri daripada penyokong Barisan Sosialis. Kesemua yang ditangkap ini atas alasan bersekongkol dan membawa masuk pengaruh komunis di Singapura (DO 169/176). Manakala pada minggu berikutnya, pemimpin kanan Barisan Sosialis ditangkap iaitu Setiausaha Agung, Lim Chin Siong, Naib Pengerusi, S. Woodhull, Naib Pengerusi, Dominic Puthucheary dan Setiausaha Kerja, Fong Swee Suan (NAB 1615/DO 187/15). Penangkapan pemimpin kanan ini menyebabkan wakil Barisan Sosialis, Lee Siew Choh menyatakan tangkapan yang dilakukan ini bermotifkan politik (NAB 1615/DO 187/15). Pada 17 Februari 1960, Lee Siew Choh mengeluarkan kenyataan rasmi dan menyatakan Operasi ‘*Coldstore*’ ini dilakukan untuk memberi tekanan terhadap parti Barisan Sosialis (NAB 1615/DO 187/15). Selain itu, beliau turut menyatakan perjuangan Barisan Sosialis diterima hampir keseluruhan rakyat Singapura menyebabkan Lee Kuan Yew berasa tergugat (Reports of Leftist Elements 1962).

Walaupun begitu, kenyataan ini disangkal oleh Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri, John Le Cain. Beliau menjelaskan penangkapan itu dibuat kerana mereka mempunyai bukti kukuh yang menunjukkan berlakunya penyusupan dan kawalan komunis ke atas Barisan Sosialis (NAB 1615/DO 187/15). Selain itu, Barisan Sosialis juga berusaha mempengaruhi persatuan lain di Singapura, terutamanya kesatuan sekerja di negara ini. Justeru itu, penangkapan dibuat kerana pemimpin Barisan Sosialis terbukti terlibat dalam aktiviti subversif komunis (NAB 1615/DO 187/15). Sehingga November 1963 seramai 133 orang ditangkap melalui Operasi ‘*Coldstore*’. Perkara ini menjadikan jumlah tangkapan terbesar dalam sejarah politik Singapura melalui satu unit operasi dijalankan. Individu yang ditangkap ini bukan sahaja terdiri daripada pemimpin barisan sosialis, tetapi turut melibatkan wartawan, pelajar universiti dan pemimpin kesatuan pekerja (NAB 1615/DO 187/15).

Jadual 1 memperlihatkan jumlah rakyat Singapura yang ditangkap melalui ordinan PPSO yang dilaksanakan melalui Operasi ‘*Coldstore*’. Berdasarkan jadual tersebut, jumlah tangkapan daripada Barisan Sosialis adalah tertinggi iaitu seramai 53 orang. Seterusnya adalah daripada Parti Rakyat iaitu 24 orang. Manakala daripada *United Peoples Party* adalah seramai 17 orang. Berdasarkan jumlah ini, tangkapan yang dilakukan terhadap ahli politik adalah tertinggi iaitu berjumlah 94 orang. Selain itu pelajar universiti juga antara individu yang menyumbang kepada jumlah tangkapan yang tinggi iaitu seramai 25 orang. Kebanyakan pelajar yang ditangkap adalah daripada Universiti Nanyang. Antaranya adalah Chong Boon Pin, Timbalan Pengerusi Kesatuan Pelajar Universiti Nanyang dan Pengerusi Pelajar Tionghua Universiti Nanyang, Tay Kee Chuan. Di samping itu, wartawan turut ditahan iaitu Mohd. Said bin Zahari, editor Utusan Melayu, Chong Khee Chaw, wartawan Min Pao dan Fu Chiao Sian James wartawan Nanyang Siang Pau.

Jadual 1. Jumlah Tangkapan Di Bawah Ordinan PPSO, Operasi ‘*Coldstore*’

| Organisasi          | Jumlah Tangkapan |
|---------------------|------------------|
| Barisan Sosialis    | 53               |
| Parti Rakyat        | 24               |
| Wartawan            | 18               |
| Kesatuan Pekerja    | 12               |
| Pelajar Universiti  | 9                |
| United People Party | 17               |
| Jumlah              | 133              |

Sumber: Internal security situation in Singapore: Communist Activity, DO 169/176

Susulan jumlah tangkapan yang tinggi itu, pemimpin Barisan Sosialis yang diketuai Lee Siew Choh mengecam tangkapan yang dibuat oleh kerajaan kerana melanggar hak kebebasan masyarakat. Beliau mendakwa kesemua tahanan ini ditangkap tanpa mempunyai alasan yang kukuh (Syafrinaldi et al. 2019). Kerajaan hanya mendakwa mempunyai bukti untuk mengaitkan mereka dengan komunis dan tidak memberi peluang kepada tahanan ini untuk membela diri (*The Straits Times* 11 Februari

1963). Sehubungan itu, Lee Siew Choh kemudian melobi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk membebaskan kesemua tahanan politik yang dilakukan melalui Operasi ‘*Coldstore*’ ini. Beliau mengutus surat kepada Setiausaha Agung PBB, U Thant pada Februari 1963 bagi mengambil tindakan terhadap perkara ini (The Straits Times 11 Februari 1963).

Selain itu, perlaksanaan Operasi ‘*Coldstore*’ ini turut mendapat liputan meluas di London. Perlaksanaan operasi ini menjadi kritikan utama dalam kalangan pemimpin parti pembangkang di negara itu. Mereka menyatakan perlaksanaan operasi ini adalah langkah politik bagi memastikan British terus mempunyai proksi di Singapura. Perkara ini dapat dilihat semasa perbahasan di Parlimen. Ahli Parlimen Putney, Hugh Jenkins, menyatakan tindakan kerajaan British memberi sokongan kepada Lee Kuan Yew adalah berat sebelah dan tidak adil kepada parti pembangkang, Barisan Sosialis. Manakala Ahli Parlimen Derbyshire Barat, Aidan Crawley pula menyatakan tindakan kerajaan Singapura melaksanakan Operasi ‘*Coldstore*’ adalah melakukan sekatan politik dalaman, bukan memerangi komunis di negara itu (Hansard 16 Disember 1964). Walaupun begitu, perkara ini dinafikan oleh Setiausaha Hubungan Luar, Patrick Walker. Beliau menyatakan kerajaan British memberi sokongan kepada Lee Kuan Yew kerana Barisan Sosialis mendapat pengaruh daripada komunis. Sejak parti itu ditubuhkan, gerakan komunis sudah menular dalam parti itu melalui tokoh Parti Komunis Malaya di Singapura, Fong Ching Pik (NAB 1615/DO 187/15).

Pemimpin Persekutuan Tanah Melayu pula melihat langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan PAP ini adalah tepat kerana tindakan komunis ini perlu disekat dengan lebih awal. Menteri Pertahanan, Tun Abdul Razak, menyatakan keadaan komunis di Singapura telah memasuki fasa perkembangan kerana mereka telah menubuhkan dan menggunakan Barisan Sosialis sebagai platform perjuangan. Oleh itu langkah Lee Kuan Yew menyekat komunis melalui ordinan PPSO adalah bertepatan dengan situasi semasa. Selain itu, beliau turut menyatakan kesediaan Persekutuan Tanah Melayu untuk bekerjasama dengan Singapura bagi menyekat komunis di kedua-dua negara ini (DO 169/176). Manakala Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman pula menyatakan jumlah tangkapan yang ramai dalam kalangan Barisan Sosialis itu membuktikan gerakan komunis semakin menular di Singapura. Justeru itu, beliau menyatakan sokongan penuh terhadap tindakan tegas kerajaan Lee Kuan Yew sebelum pengaruh komunis kembali menular di negara itu (DO 169/176).

Secara asasnya, perlaksanaan Operasi ‘*Coldstore*’ ini dilakukan dengan tujuan menyekat komunis daripada berkembang di Singapura. Berdasarkan kepada jumlah tangkapan yang ramai daripada Barisan Sosialis iaitu seramai 53 orang, perkara ini membuktikan komunis berusaha menyebarkan pengaruh melalui parti politik di negara itu. Sehubungan itu, situasi ini membuktikan Operasi ‘*Coldstore*’ ini dilakukan untuk menyekat komunis di Singapura. Berdasarkan kepada keterangan dan bukti yang diberikan oleh Majlis Keselamatan Negeri, pihak komunis yang diketuai oleh Lim Chin Siong berusaha menjadikan Barisan Sosialis ini sebagai sebuah wadah perjuangan yang baharu (DO 169/176). Selain itu, beliau turut berjaya mempengaruhi wartawan bagi menyebarkan keburukan mengenai kerjaan (DO 169/176). Berdasarkan kepada situasi itu, tindakan kerajaan melaksanakan Operasi ‘*Coldstore*’ dengan melibatkan pelbagai agensi ini bertepatan dengan situasi politik yang berlaku di Singapura.

## **STRATEGI DAN PRESTASI PAP PADA PILIHAN RAYA UMUM SINGAPURA 1963**

Pada 3 September 1963, kerajaan PAP pimpinan Lee Kuan Yew membubarkan Dewan Perundangan bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan. Pilihan raya ini merupakan pilihan raya pertama PAP sebagai penyandang kerajaan. Oleh itu, di atas kertas, PAP memiliki kelebihan selaku parti menerajui kerajaan (Yee 2020). Namun begitu, permasalahan politik dalaman yang melanda PAP secara tidak langsung menjelaskan persiapan parti itu. Perkara ini telah memberi kesan yang besar terhadap PAP kerana ahli dan pemimpin yang bertindak keluar parti ini telah lompat parti dan menyertai Barisan Sosialis. Selain itu, pemimpin PAP yang keluar parti ini turut membubarkan cawangan yang disertai (Yee 2020). Berdasarkan kepada perkara itu, Barisan Sosialis memainkan peranan utama sebagai pesaing utama PAP pada pilihan raya ini. oleh itu kebanyakannya kerusi yang ditandingi oleh PAP pada pilihan raya ini mendapat saingan daripada Barisan Sosialis.

Setelah kesemua senarai calon diumumkan oleh Jabatan Pilihan Raya Singapura (ELD - *Election Department*) pada 12 September 1963, PAP kekal sebagai satu-satunya parti yang bertanding semua kerusi pada pilihan raya ini. Pesaing utama PAP, Barisan Sosialis bertanding sebanyak 46 kerusi (Reports Election 1963). Walaupun jumlah kerusi yang ditandingi oleh Barisan Sosialis ini tidak banyak seperti PAP, namun parti pembangkang ini bertanding pada kerusi yang penting dan menjadi signifikan terhadap politik Singapura. Kerusi tersebut adalah kerusi dikawasan bandar dan mempunyai pengundi yang padat seperti Aljunied, Geylang East, Kallang, Mountbatten dan Queenstown. Purata jumlah pengundi di setiap kerusi tersebut adalah 16,500 orang (Jayakumar 2022). Sekiranya Barisan Sosialis berjaya menang di kerusi ini, parti itu akan memperoleh kemenangan moral yang tinggi dari penyokong. Selain itu, parti serpihan PAP yang lain iaitu Parti Bersatu Rakyat (UPP - *United Peoples Party*) turut meletakkan calon dan bertanding sebanyak 46 kerusi (Reports Election 1963). Pilihan raya ini turut memperlihatkan pengaruh parti politik dari Tanah Melayu iaitu Perikatan, turut bertanding dengan meletakkan parti proksinya iaitu Perikatan Singapura dan bertanding sebanyak 42 kerusi (Reports Election 1963). Selain itu, parti dari Tanah Melayu lain yang bertanding adalah Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) bertanding sebanyak dua kerusi (Reports Election 1963). Berdasarkan kepada jumlah parti yang bertanding tersebut, PAP berada dalam tugas yang sukar untuk mengekalkan kemenangan seperti yang dicapai oada Pilihan Raya Umum 1959.

Sebanyak 14 kerusi dikategorikan sebagai ‘kerusi panas’ pada pilihan raya ini dan mendapat liputan meluas oleh media serta menjadi signifikan terhadap pilihan raya ini. Selain itu, kerusi panas ini juga menjadi tanda aras sokongan masyarakat terhadap parti bertanding berdasarkan kepada kehadiran ke ceramah dan pengkibatan aktiviti bersama calon. Kerusi panas ini juga kebiasaannya melibatkan persaingan pemimpin tertinggi parti yang bertanding (Vasil 2020). Antara kerusi berada dalam kategori kerusi panas adalah Tanjong Pagar, iaitu persaingan melibatkan Setiausaha Agung PAP dan Pemangku Perdana Menteri, Lee Kuan Yew. Selain itu, kerusi oanas yang lain adalah Rochore, Hong Lim, Kampong Gelam, Kampong Kapor dan Kampong Kembangan (Vasil 2020). Kesemua kerusi yang dinyatakan tersebut ditandingi oleh pemimpin tertinggi PAP. Misalnya Rochore ditandingi oleh Pemangku Timbalan Perdana Menteri, Toh Chin Chye. Manakala Naib Presiden PAP dan Pemangku Menteri Kewangan, Goh Keng Swee bertanding di kerusi Kreta Ayer dan S. Rajaratnam pula bertanding di kerusi Kampong Gelam (Reports Election 1963). Selain itu, kerusi Havelock dan Jurong juga kerusi panas pada pilihan raya ini kerana ditandingi oleh pemimpin Barisan Sosialis (Reports Election 1963).

Pilihan raya ini juga merupakan pilihan raya pertama yang diadakan di Singapura selepas pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Berdasarkan kepada situasi tersebut, parti dari Tanah Melayu seperti PAS dan Perikatan Singapura berusaha mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu negara ini. Perkara ini menyebabkan kerusi majoriti pengundi Melayu turut dikategorikan sebagai kerusi panas pada pilihan raya ini. Antara kerusi tersebut adalah Kampong Kapor dan Kampong Kembangan (George et al. 2020). Hampir keseluruhan persaingan pada kerusi tersebut melibatkan tiga hingga empat penjurur. Perkara ini secara tidak langsung menjadikan politik Singapura pada Pilihan Raya 1963 ini semakin dinamik, sekali gus memberi saingan sengit terhadap PAP.

Oleh itu PAP berusaha mempertahankan kedudukan parti itu selaku parti pemerintah melalui pelbagai strategi yang direncanakan. Antara strategi tersebut adalah melalui calon yang bertanding atas tiket parti itu. Strategi PAP terhadap calon ini menjadi keutamaan terhadap parti itu sejak mula terlibat dalam pilihan raya umum di Singapura pada 1955 (Lee Kuan Yew 2012). Walaupun begitu strategi PAP terhadap calon berbeza setiap kali pilihan raya. Misalnya pada Pilihan Raya Umum 1955, PAP mengutamakan calon yang mempunyai kelulusan dari luar negara, manakala pada Pilihan Raya Umum 1959, PAP mengutamakan calon yang terdiri dari aktivitis masyarakat (Lee Kuan Yew 2012). Namun strategi PAP terhadap calon pada Pilihan Raya Umum 1963 adalah mengetengahkan calon yang berpengalaman. Pada pilihan raya ini, PAP berusaha menonjolkan parti itu memiliki calon yang berwibawa dan mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran Singapura. Lee Kuan Yew menyatakan, pengalaman PAP dalam urus tadbir Singapura ini menjadi kelebihan terhadap parti itu berbanding parti pembangkang. Selain itu, Lee Kuan Yew turut menyatakan PAP berjaya membawa ekonomi Singapura pada tahap yang lebih baik berbanding kerajaan terdahulu (The Straits Times 17

September 1963). Oleh itu, kesemua Menteri dari PAP dicalonkan semula untuk bertanding pada pilihan raya ini kerana mereka mempunyai pengalaman yang luas terhadap urus tadbir Singapura.

Walaupun begitu, faktor penting yang menentukan kelangsungan politik PAP pada pilihan raya ini adalah keberkesanan kempen yang disampaikan oleh calon. Dalam tempoh pilihan raya ini diadakan, PAP menghadapi saingan sengit daripada dalam dan luar parti (Cunha 2022). Sehubungan itu, PAP bukan sahaja berhadapan daripada pesaing parti itu, Barisan Sosialis, malah menghadapi krisis kepercayaan dalam kalangan ahli. Perpecahan dalaman yang berlaku telah memberi kesan terhadap prestasi PAP pada pilihan raya ini. Oleh itu strategi kempen PAP pada peringkat awal adalah memberi penerangan kepada pengundi atas pagar mengenai situasi yang melanda parti itu.

Pada hari pertama kempen, Lee Kuan Yew dan bersama-sama calon PAP yang lain mengadakan kempen secara bersama bagi memberi penerangan kepada pengundi mengenai permasalahan dalaman PAP. Lee Kuan Yew menyatakan perpecahan PAP berlaku disebabkan oleh sifat rakus sesetengah bekas ahli parti itu untuk berkuasa. Justeru itu, Lee Kuan Yew menyatakan ketidaksefahaman itu pada akhirnya merosakkan parti dari dalam. Oleh itu PAP terpaksa bertindak membuang segelintir ahli yang menjadi ‘perosak’ supaya PAP dapat terus memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat (The Straits Times 17 September 1963). Perkara ini menunjukkan kempen utama Lee Kuan Yew dan calon PAP pada peringkat awal adalah memberi penerangan tentang perpecahan yang berlaku bagi meningkatkan semula kepercayaan rakyat terhadap parti itu.


Setelah tempoh kempen memasuki fasa kemuncak, pemimpin PAP memberi perincian perlaksanaan Operasi ‘*Coldstore*’ oleh kerajaan. Kempen mengenai perkara ini dilakukan oleh setiap calon PAP kerana pesaing utama parti itu, Barisan Sosialis menjadikan isu ini sebagai kempen utama mereka (Ahmad Rizal Mohd Yusof et al. 2021). Rata-rata calon Barisan Sosialis menyatakan Operasi ‘*Coldstore*’ yang adalah bermotifkan politik, terutamanya untuk menyekat kemaraan Barisan Sosialis terhadap politik dalam kalangan masyarakat Cina (The Straits Times 18 September 1963). Kempen isu ini dapat dilihat pada ucapan oleh calon Barisan Sosialis, Lee Siew Choh semasa rapat umum di kerusi Rochore. Beliau menyatakan Operasi ‘*Coldstore*’ yang dilakukan oleh kerajaan PAP bertujuan menyekat kebebasan rakyat untuk berpolitik dan memastikan PAP terus memerintah di Singapura tanpa sebarang persaingan (The Straits Times 18 September 1963). Perkara ini menunjukkan isu perlaksanaan Operasi ‘*Coldstore*’ ini merupakan isu utama yang diangkat oleh Barisan Sosialis sebagai kempen parti itu.

Oleh itu pada pilihan raya ini, calon PAP turut berkempen mengenai perkara yang sama. Tindakan kempen seumpama ini dilakukan bagi mengelakkkan rakyat mendapat maklumat yang tidak tepat mengenai Operasi ‘*Coldstore*’. Dalam ucapannya pada 19 September 1963, Lee Kuan Yew menyatakan tindakan kerajaan terhadap Operasi ‘*Coldstore*’ adalah melindungi politik Singapura daripada dicemari oleh budaya dan pengaruh komunis. Lee Kuan Yew menyatakan politik radikal yang dibawa oleh Barisan Sosialis menyamai tindakan komunis dan tidak sesuai untuk politik Singapura yang didiami oleh rakyat berbilang kaum (The Straits Times 20 September 1963). Sehubungan itu, Lee Kuan Yew menyatakan agar rakyat tidak terpengaruh dengan dakwaan songsang oleh calon-calon Barisan Sosialis tentang perlaksanaan Operasi ‘*Coldstore*’.

Keputusan Pilihan Raya Umum 1963 yang diumumkan secara rasmi oleh ELD memperlihatkan PAP mengekalkan kedudukan sebagai parti yang berjaya meraih majoriti untuk membentuk kerajaan di Singapura. Sehingga pukul 12.45 tengah malam, PAP berjaya memenangi 26 kerusi, iaitu jumlah minimum yang diperlukan untuk membentuk kerajaan (Reports Election 1963). Setelah keputusan rasmi diumumkan, PAP berjaya menang 37 kerusi dari 51 kerusi yang dipertandingkan. Barisan Sosialis berjaya menang 13 kerusi, manakala UPP menang satu kerusi. Keputusan pilihan raya ini ternyata mengejutkan pelbagai pihak kerana rata-rata menjangkakan Barisan Sosialis dan Perikatan Singapura akan memberi saingan yang sengit terhadap PAP. Akhbar *The Straits Times* menyatakan PAP akan terperangkap dalam isu Operasi ‘*Coldstore*’ dan komunis, sekali gus memberi kesan terhadap prestasi parti itu (The Straits Times 23 September 1963). Namun jangkaan ini meleset apabila Perikatan Singapura yang ditunjangi oleh UMNO gagal mengusai

pengundi Melayu, manakala Barisan Sosialis tidak berjaya memanipulasikan isu komunis bagi mendapatkan sokongan pada saat akhir (*The Straits Times* 23 September 1963).

Selaras dengan kemenangan yang dicapai ini, undi popular yang diperoleh PAP pada pilihan raya ini lebih tinggi berbanding parti lain. Undi popular adalah campuran keseluruhan undi untuk semua kerusi yang dipertandingkan (Vasil 2020). Melalui undi popular ini, ukuran sokongan pengundi terhadap parti yang bertanding dapat dilihat sama ada semakin meningkat atau merosot. Pada pilihan raya 1963 ini, undi polular yang diperoleh PAP lebih tinggi iaitu 57.6 peratus. Manakala Barisan Sosialis memperoleh undi popular 28.7 peratus. Namun begitu, pencapaian PAP merosot berbanding Pilihan Raya Umum 1959. Rajah 1 membincangkan graf perbandingan undi popular yang diperoleh PAP pada pilihan raya yang lalu. Berdasarkan graf tersebut, undi popular PAP merosot kepada 57.6 peratus berbanding 71.3 peratus pada Pilihan Raya Umum 1959. Manakala Barisan Sosialis selaku pesaing utama PAP boleh disamakan dengan *Singapore Peoples Alliance*, iaitu pesaing utama PAP pada Pilihan Raya Umum 1959. Jumlah undi popular yang diperoleh Barisan Sosialis meningkat sehingga 42.4 peratus berbanding 28.7 peratus pada Pilihan Raya Umum 1959.



Rajah 1. Graf Perbandingan Undi Popular PAP dan Pesaing Utama, 1959-1963  
*Sumber:* Reports of Reports of Legislative Election, 1959, Singapore Election Department;  
 Reports of Legislative Election, 1963, Singapore Election Department.


Kemerosotan peratusan undi popular ini secara tidak langsung memperlihatkan isu yang melanda PAP memberi kesan terhadap prestasi parti. Perpecahan dalaman menyebabkan segelintir ahli PAP dan ‘pengundi atas pagar’ mengubah pendirian dengan memberi sokongan terhadap calon Barisan Sosialis. Selain itu, isu Operasi ‘Coldstore’ turut mengakibatkan kemerosotan undi terhadap PAP pada pilihan raya ini. Bagi Barisan Sosialis, mereka berjaya memanipulasikan isu yang berlaku untuk mendapatkan sokongan masyarakat terhadap parti itu (*The Straits Times* 23 September 1963). Oleh kerana kedua-dua isu ini segera ditangani dengan lebih awal oleh Lee Kuan Yew, maka kesannya tidak terlalu ketara dan hanya mengakibatkan kemerosotan sokongan pada skala yang rendah (*The Straits Times* 23 September 1963).

Sungguhpun kedua-dua isu itu telah merencatkan keputusan cemerlang PAP pada pilihan raya ini, namun kemenangan pada kerusi penting terhadap politik Singapura ini membuktikan sokongan masyarakat terhadap PAP masih lagi utuh. Antara kerusi penting tersebut adalah Aljunied, Geylang East, Kallang, Mountbatten, Queenstown dan Tanjong Pagar. Kerusi ini penting kepada politik Singapura kerana mempunyai jumlah pengundi yang padat, sekali gus dianggap mewakili suara pengundi Singapura. Oleh itu PAP melakukan kempen secara berterusan di kerusi ini supaya kerusi ini kekal dimenangi parti itu (Vasil 2020). Keputusan Pilihan Raya Umum 1963 memperlihatkan PAP

berjaya mengekalkan kemenangan di kerusi ini dengan majoriti yang selesa. Misalnya di Aljunied, PAP menang dengan majoriti 3,121 undi. Di Geylang East, PAP menang dengan majoriti 3,618 undi. Di Kallang, PAP menang 3,062 undi. Di Mountbatten, PAP menang dengan majoriti 3,209 undi. Di Queenstown, PAP menang dengan majoriti 3,117 undi. Persaingan di Tanjong Pagar iaitu kerusi yang ditandingi oleh Lee Kuan Yew pula dimenangi dengan majoriti yang lebih tinggi iaitu 3,519 undi berbanding pilihan raya umum lalu, 1,703 undi (Reports Election 1963). Kemenangan ini membuktikan sokongan masyarakat terhadap PAP masih kuat walaupun terdapat isu besar yang membabitkan parti itu.

Keputusan pilihan raya ini turut meperlihatkan PAP tewas sebanyak 14 kerusi, iaitu 13 kerusi tewas kepada Barisan Sosialis. Manakala satu-satunya kerusi PAP tewas dengan UPP iaitu Hong Lim. Kerusi yang PAP tewas dengan UPP ini adalah disebabkan faktor politik. Penyandang kerusi ini, Ong Eng Guan merupakan bekas Menteri kabinet Lee Kuan Yew dan ahli PAP yang dipecat. Laporan akhbar *The Straits Time* menyatakan pemecatan ini permulaan kepada Operasi ‘Coldstore’ (*The Straits Times* 21 Jun 1960). Selepas berlakunya peristiwa ini, ketretakan dalam PAP semakin parah, seterusnya membawa kepada perpecahan parti. Kekalahan pada kerusi ini memperlihatkan faktor individu hanya mampu bertahan di kawasan yang menjadi pengkalan politik individu tersebut sahaja. Oleh itu, UPP hanya memenangi kerusi Hong Lim sahaja kerana kerusi ini merupakan kawasan Ong Eng Guan sejak Pilihan Raya Umum 1955 (Reports Election 1963).

13 kerusi yang PAP tewas dengan Barisan Sosialis iaitu Bukit Merah, Bukit Panjang, Bukit Timah, Chua Chu Kang, Crawford, Havelock, Jalan Kayu, Jurong, Neeson, Paya Lebar, Tampines, Thomson dan Tao Payoh merupakan kawasan yang berbeza dari segi geografi politik di Singapura. Kedudukan kerusi ini adalah di kawasan subbandar atau kawasan campuran antara pusat bandar dan kewasan kampung tradisi. Rajah 2 menunjukkan kedudukan kerusi yang di menangi oleh parti bertanding di Singapura pada pilihan raya 1963.



Rajah 2. Kedudukan Kerusi Mengikut Parti, Pilihan Raya Umum 1963 Singapura  
Sumber: Reports of Legislative Election, 1963, Singapore Election Department.

Berdasarkan kepada peta ini, kesemua kerusi gagal dimenangi oleh PAP adalah kawasan subbandar. Perkara ini membuktikan PAP gagal mendapatkan sokongan daripada pengundi kawasan subbandar di Singapura. Keputusan ini menunjukkan kekuatan terhadap Barisan Sosialis tertumpu kepada pengundi kawasan subbandar. Rata-rata penduduk dikawasan subbandar bekerja sebagai

peniaga kecil-kecilan dan pekerja kilang yang ‘tidak merasa kebaikan’ kerajaan kerana mereka lebih banyak berusaha sendiri untuk mendapatkan wang perbelanjaan ibarat kais pagi makan pagi (Haliza 2018). Oleh itu mereka lebih cenderung untuk mengundi parti pembangkang berbanding parti kerajaan. Walaupun begitu, Lee Kuan Yew menafikan kawasan subbandar ini merupakan kubu politik Barisan Sosialis. Beliau menyatakan kawasan subbandar ini gagal dimenangi oleh PAP kerana pengundi tidak mendapat maklumat yang tepat disebabkan liputan radio rendah dikawasan itu. Justeru itu, pengundi kawasan subbandar ini mendapat input dan maklumat yang salah daripada calon Barisan Sosialis (*The Straits Times* 24 September 1963).

Walaupun PAP diserang secara berterusan oleh Barisan Sosialis melalui isu Operasi ‘*Coldstore*’ dan perpecahan dalaman parti, namun kemenangan pada pilihan raya ini memperlihatkan kedudukan PAP terhadap politik Singapura sukar digugat. Situasi ini membuktikan PAP berjaya mendapatkan sokongan daripada masyarakat walaupun terdapat persaingan sengit daripada pihak lawan (Nurhidayu Rosli 2024). Antara faktor utama yang membolehkan PAP kekal berkuasa di Singapura adalah kempen yang tersusun. Pada peringkat awal kempen, PAP tidak begitu agresif, tetapi hanya memberi penerangan mengenai perpecahan dalaman parti. Setelah perkara itu dibuat perincian, calon PAP mula memasuki fasa baharu dengan memberi penerangan kepada pengundi mengenai keperluan Operasi ‘*Coldstore*’ itu dilaksanakan (Netina 2020).

Selain itu, Lee Kuan Yew turut berkempen bagi meyakinkan kepada rakyat bahawa perjuangan komunis yang dibawa oleh Barisan Sosialis tidak menjamin keselamatan atau kehidupan yang stabil kepada rakyat. Beliau menyatakan sekiranya Singapura dikuasai oleh komunis, perperangan akan menjadi kebiasaan di Singapura (Lee Kuan Yew 2012). Sehubungan itu, beliau memberi jaminan bahawa hanya melalui PAP, kestabilan politik dapat dikekalkan di Singapura (Lee Kuan Yew 2012). Berdasarkan kepada perkara itu, keyakinan rakyat terhadap PAP adalah berdasarkan kepada tindakan, pengalaman dan manifesto oleh pemimpin PAP terhadap mereka. Keyakinan tinggi rakyat terhadap PAP ini membolehkan PAP mempertahankan kedudukan sebagai parti yang menjaminkan kestabilan di Singapura untuk tempoh yang lama.

Justeru, Pilihan Raya Umum 1963 memperlihatkan PAP menggunakan strategi berfokus kepada isu keselamatan negara, ancaman komunis dan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia. Kempen parti tersebut menggambarkan Barisan Sosialis sebagai pro-komunis dan anti-Malaysia, sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengundi. Strategi ini berjaya menarik sokongan majoriti rakyat. Hasilnya, PAP memenangi 37 daripada 51 kerusi, membolehkan mereka mengekalkan kuasa dan melemahkan pengaruh Barisan Sosialis. Kejayaan ini membuktikan keberkesanannya pendekatan politik berdasarkan keselamatan dari Operasi ‘*Coldstore*’ dan pembangunan nasional.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, Operasi ‘*Coldstore*’ yang dilaksanakan oleh Lee Kuan Yew memberi kesan terhadap prestasi PAP pada Pilihan Raya 1963. Namun begitu, kesan yang berlaku tidak melibatkan secara keseluruhan kerana PAP masih berjaya menubuhkan kerajaan pada pilihan raya tersebut. Melalui strategi kempen secara tersusun yang dilakukan oleh Lee Kuan Yew dan calon PAP yang lain, mereka berjaya memadamkan naratif yang dibangkitkan oleh Barisan Sosialis. Selain itu, Operasi ‘*Coldstore*’ yang dilaksanakan ini seterusnya membolehkan Singapura membuktikan kesungguhan kerajaan kepada rakyat untuk bagi menyekat gelombang komunis dengan tujuan kestabilan politik negara. Tindakan Lee Kuan Yew menyertai Persekutuan Malaya ini secara tidak langsung meningkatkan semula sokongan masyarakat terhadap parti itu sehingga dua isu yang melanda parti itu berjaya ditenggelamkan semasa pilihan raya berlangsung. Walaupun Operasi ‘*Coldstore*’ ini dilihat sebagai satu tindakan yang terlalu tegas sehingga 133 orang individu ditangkap oleh kerajaan, namun langkah ini berkesan terhadap politik Singapura untuk jangka masa yang panjang. Tambahan pula, susunan strategi kempen oleh kepimpinan PAP berjaya mematahkan hujah pemimpin Barisan Sosialis, sekali gus berjaya mengkekalkan kemenangan untuk menubuhkan kerajaan bagi penggal kedua berturut-turut.

## RUJUKAN

- Ahmad Rizal Mohd Yusof, Junaidi Awang Besar & Muhammad Najit Sukemi. 2021. Dunia Digital Politik Malaysia: Suatu Tinjauan Awal Terhadap Perkembangan Politik Malaysia Melalui Media Digital. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 5(1): 149-162.
- Cunha, D. D. 2022. *Breakthrough 2.0: Singaporeans Push for Parliamentary Democracy*. Singapore: WS Publishing.
- DO 169/176. 1963. Internal security situation in Singapore: communist activity.
- DO 169/221. 1963. Possible formation without Brunei and Singapore.
- DO 169/286. 1963. Agreement on formation of new state.
- DO 35/6266. 1957. Intelligence material on Communist terrorists in Malaya.
- FCO 141/17153. 1960. Singapore: expulsion of Ong Eng Guan from the People's Action Party (PAP).
- FCO 141/17160. 1962. Singapore: activities of the People's Action Party (PAP).
- FCO 95/1346. 1972. Communism in Singapore: Activities of Barisan Sosialis and People's Front.
- George, C., Low, D. 2020. *PAP V PAP: The Party's Struggle to Adapt to a Changing Singapore*. Singapore: Taylor & Francis.
- Haliza Abdul Rahman. 2018. Community Based Approach Based Disaster Management in Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 2(2): 55-66.
- Jayakumar, S. 2022. *A History of the People's Action Party, 1985-2021*. Singapore: NUS Press.
- Lee Kuan Yew. 2012. *The Singapore Story Memoirs of Lee Kuan Yew Vol. 1*. Singapore: Marshall Cavendish Publishers.
- NAB 1615/DO 187/15. 1960. Internal Security Council papers on internal security situation in Singapore.
- Netina Tan. 2020. Minimal Factionalism in Singapore's People's Action Party. *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 39(1).
- Ngoei, Wen-Qing. 2023. *Arc of Containment: Britain, the United States, and Anticommunism in Southeast Asia*. New York: Cornell University Press.
- Norasmahani Hussain & Zulkarnain Abdul Rahman. 2022. Strategi Britain ke Arah Pakatan Anglo-Amerika Bagi Mengelakkan Peluasan Kuasa Kesatuan Soviet di Greece dan Turki, 1945-1947. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 6(2): 35-49.
- Nurdiyawati Abidin & Adnan Jusoh. 2021. Kesan Pemerintahan Kolonial Terhadap Kegiatan Ekonomi Masyarakat Melayu di Melaka Hingga Era Kemerdekaan. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 5(2): 29-46.
- Nurhidayu Rosli & Anis Nadiah Che Abdul Rahman. 2024. Kerelevan Strategi Pemasaran Politik Parti Berdasarkan Calon, Parti, Isu dan Manifesto Dalam Pilihan Raya Negeri 2023. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 8(2): 175-186.
- Pooh Soo Kai. 2015. *Comet in Our Sky: Lim Chin Siong in History*. Singapore: Function 8 Publishers.
- Ramakrishna, K. 2015. *Original Sin? Revising the Revisionist Critique of the 1963 Operation Coldstore in Singapore*. Singapore: ISEAS Publishing.
- "Report of Lim Chin Siong Interview", 5 February 1963. Internal Security Department Heritage Centre (Singapore).
- Reports of Leftist Elements, 1962. Internal Security Department Heritage Centre (Singapore).
- Reports of Legislative Election. (1955). Singapore Election Department.
- Reports of Legislative Election. (1959). Singapore Election Department.
- Reports of Legislative Election. (1963). Singapore Election Department.
- Reports Singapore 1961 by-election, Hong Lim; Anson, Singapore Election Department.
- Syafrinaldi, Syafridi & Endang Suparta. 2019. Hak Asasi Manusia Dan Demokrasi Dalam Konsep Negara Hukum. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 3(1): 133-142.
- Tarling, N. 2005. *Britain, Southeast Asia, and the impact of the Korean War*. Singapore: NUS Press.
- The Straits Times*, 20 June 1960.
- The Straits Times*, 21 June 1960.
- The Straits Times*, 12 March 1961.
- The Straits Times*, 27 July 1961.
- The Straits Times*, 30 July 1961.
- The Straits Times*, 30 November 1961.

- The Straits Times*, 19 April 1962.
- The Straits Times*, 1 September 1962.
- The Straits Times*, 3 February 1963.
- The Straits Times*, 11 Februari 1963.
- The Straits Times*, 23 November 1963.
- The Straits Times*, 24 September 1963.
- UK Parliament, Hansard, Volume 704: Debated on Wednesday 16 December 1964, (London: H.M.S.O, 1951).
- Vasil, R. 2020. *Governing Singapore: Democracy and National Development*. Singapore: Taylor & Francis Inc.
- Wade, G. 2013. Operation Coldstore: A Key Event in Creation Modern Singapore. In Hong Lysa Hong, Poh Soo Kai, Tan Kok Fang (eds.). *The 1963 Operation Coldstore in Singapore, Commemorating 50 Years*. Strategic Info Research Development.
- Yee, J. J. 2020. *Journey in Blue: A Peek into The Workers' Party Of Singapore*. Singapore: WS Publishing.

Muhammad Naim Fakhirin Rezani (PhD),  
Pusat Pengajian Kenegaraan dan Keusahawanan,  
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan,  
Universiti Sultan Zainal Abidin.  
Email: naim\_fakhirin@yahoo.com

Received: 24<sup>th</sup> April 2025

Accepted: 10<sup>th</sup> May 2025

Published: 30<sup>th</sup> June 2025